

**NOTA PERCAKAPAN  
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
PROGRAM KASIH PRIHATIN YKN  
21 MAC 2021. AHAD. 10.30 PAGI. SICC**

---

**SALUTASI**

**YBhg. Dr. Maziah Che Yusoff  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**YB Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun  
Ahli Parlimen Beaufort merangkap  
Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan  
Ketua Srikandi Negeri Sabah**

**YBhg. Datuk Amisah Binti Yasin  
Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik**

**YBhg. Datuk Aminah Ambrose  
Mantan Pengerusi  
Sabah Women Entrepreneurs and Professional Association  
(SWEPA)**

**(A) PENDAHULUAN**

1. **Ucapan Terima Kasih** kepada para tetamu yang hadir ke Program Kasih Prihatin anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Yayasan Kebajikan Negara;
2. **Saya amat teruja melihat ramainya tetamu di negeri Sabah pada hari ini. Kegembiraan ini dapatlah saya zahirkan dengan pantun berikut:**

**KAPAL DAGANG DARI SEBERANG**  
**MUATANNYA SARAT KAYU MERANTI**  
**DARI PUTRAJAYA ROMBONGAN SAYA DATANG**  
**BERTEMU ORANG SABAH YANG SAYA KASIHI.**

**(B) LATAR BELAKANG MAJLIS KASIH PRIHATIN YKN**

3. Pada hari ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN), akan menyampaikan sumbangan:
  - (i) **Alliance Islamic Bank berupa wang tunai sejumlah 20 ribu ringgit** yang merupakan zakat kakitangan Alliance Islamic Bank dan zakat Alliance Islamic Bank untuk bantuan persekolahan anak-anak Asnaf negeri Sabah;
  - (ii) **MyNIC Berhad berupa 5 buah Tablet** kepada anak-anak Asnaf yang terpilih;

- (iii) Ronald McDonalds House Charity Malaysia berupa wang tunai sejumlah 2 ribu ringgit kepada setiap 4 buah rumah anak-anak yatim yang terpilih di negeri Sabah.

**(C) PERUNTUKAN KEWANGAN KEPADA KPWKM**

4. Pada Tahun 2020, KPWKM telah diluluskan peruntukan sebanyak 2.4 billion, dan pada Tahun 2021 atas keprihatinan Kerajaan Perikatan Nasional, peruntukan kepada Kementerian dinaikkan kepada 2.5 billion. Daripada jumlah tersebut, peruntukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebanyak 2.3 billion. Peruntukan ini lebih menjurus kepada kenaikan kadar bantuan kepada kumpulan sasar.

5. Daripada keseluruhan jumlah peruntukan ini, negeri Sabah diberikan peruntukan sebanyak 345.9 JUTA. Ini merupakan agihan peruntukan yang terbesar berbanding negeri-negeri lain, seterusnya menjadi manifestasi bahawa Kerajaan Perikatan Nasional amat PRIHATIN kepada Kebajikan rakyat negeri Sabah.

**(D) DEPOH SIMPANAN KEPERLUAN MANGSA BENCANA SABAH**

6. Di samping itu, pagi tadi, saya juga telah merasmikan Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Sabah. Depoh ini telah siap dibina pada Disember 2020 dan dapat menampung keperluan bagi 10 ribu mangsa bencana di sekitar negeri Sabah.

## **(E) PENGAGIHAN BAKUL MAKANAN BUAT NEGERI SABAH**

7. Melalui program Kembara Prihatin Negara yang mengangkat nilai **“Corporate Shared Value”**, KPWKM telah menjalankan kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak korporat, dan telah berjaya mendapatkan **sumbangan korporat terkumpul sebanyak 622 ribu ringgit bermula 1 November 2020 untuk negeri Sabah. Daripada jumlah ini sebanyak 100 ribu ringgit diperuntukkan untuk penyediaan dan pengagihan 10 ribu bakul makanan kepada 10 ribu keluarga.**

8. Syarikat Korporat yang telah berbesar hati memberi sumbangan tersebut kepada negeri Sabah termasuklah:

- (i) MAXIS Berhad, Sime Darby Plantation,
- (ii) Yayasan Sime Darby,
- (iii) Tenaga Nasional Berhad,
- (iv) Yayasan Al-Bukhary dan
- (v) Central Sugar Refinery Sdn. Bhd.

9. Selain daripada sumbangan Bakul Makanan melalui program Kembara Prihatin Negara, Kerajaan tidak pernah melupakan rakyat negeri Sabah dengan **memperuntukkan sebanyak 2.5 juta ringgit untuk penyediaan sebanyak 25 ribu bakul** semasa pandemik COVID-19.

10. Manakala di bawah **inisiatif PERMAI, sebanyak 6.1 juta diperuntukkan untuk penyediaan bakul makanan bernilai 100 ringgit kepada 61 ribu penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

11. Secara keseluruhannya menerusi inisiatif Kembara Prihatin Negara, inisiatif PERMAI, peruntukan khas Kementerian Kewangan dan peruntukan di bawah Tabung COVID NADMA, Kerajaan Perikatan Nasional **TELAH BERJAYA** mengagihkan sebanyak 206 ribu bakul makanan kepada keluarga di negeri Sabah yang melibatkan peruntukan sebanyak 20.6 juta

**(F) PROGRAM ZIARAH PRIHATIN**

12. Menyedari hakikat Pandemik COVID-19 telah menjejaskan **“kefungsian sosial”** ramai masyarakat di negara ini, maka KPWKM menerusi YKN telah melaksanakan inisiatif baharu yang dipanggil **“ZIARAH PRIHATIN”**. Melalui inisiatif ini, sebanyak 500 ribu telah diagihkan kepada 25 buah Parlimen di negeri Sabah bermula pada bulan Ogos 2020.

13. Saya berharap program Ziarah Prihatin ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat di luar sana. **Sesungguhnya Kerajaan Perikatan Nasional sentiasa mendengar denyut nadi rakyat.**

**(G) KENAIKAN BANTUAN DI BAWAH BELANJAWAN 2021**

14. Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan seperti berikut:.

15. **KENAIKAN BANTUAN OKU**

- (i) **Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja** dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;
- (ii) **Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450** dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan
- (iii) **Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar** dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.

16. **KADAR BANTUAN ORANG TUA** turut dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.

17. **KADAR BANTUAN KANAK-KANAK** Keluarga Miskin daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga, dinaikkan kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai 63,000 penerima.

18. **GERAN RM30 JUTA BAGI PENUBUHAN TASKA DI TEMPAT KERJA AWAM** bagi jagaan anak dan **menyokong wanita keluar bekerja**. Dalam hubungan ini, saya mengaalu-alukan agensi Kerajaan Negeri Sabah yang berminat untuk membuka TASKA di premis Kerajaan masing-masing, bolehlah membuat permohonan mulai sekarang.

19. Bantuan Kewangan Pengoperasian PAWE dinaikkan daripada RM33,330 kepada RM50 ribu ringgit yang menfaat kepada 143 PAWE. Pada tahun ini Kerajaan diberikan peruntukan sebanyak RM 2 juta untuk penubuhan 20 buah PAWE baharu yang bernilai 100 ribu ringgit bagi sebuah PAWE. Saya memohon kerjasama semua pihak agar dapat mengambil peluang untuk mengemukakan permohonan bagi PAWE baharu di tempat masing-masing.

#### BANTUAN KHAS UNTUK WANITA

20. BANTUAN KHAS IBU TUNGGAL (BKIT) oleh Jabatan Pembangunan Wanita sebanyak RM300 seorang secara one-off kepada 150,000 ibu tunggal seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 12,185 Ibu Tunggal dari negeri Sabah telah menerima manfaatnya yang terlibat pengagihan peruntukan sebanyak 3.6 juta.

21. PROGRAM MAMOGRAM & HPV DNA oleh LPPKN untuk 45,000 wanita yang layak dan memenuhi kriteria bagi mencegah kanser serviks dan payudara. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,700 orang wanita di negeri Sabah telah menerima manfaatnya.

## **INISIATIF PEMERKASA**

22. Pada 17 Mac 2021, Kerajaan Perikatan Nasional sekali lagi mengumumkan khabar gembira buat rakyat kesayangannya menerusi pengumuman berikut:

- (i) **Peningkatan had kelayakan gaji maksimum bagi bantuan Elaun Pekerja OKU daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan.** Sebanyak RM26 juta diperuntukkan dan memberi manfaat kepada hampir 5,000 OKU;
- (ii) **Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi memperkukuhkan program keusahawanan termasuk memasarkan produk bakeri dan hasil tangan oleh OKU dan warga emas** di bawah institusi seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya menyeru Kerajaan negeri Sabah merebut peluang ini dengan mengetengahkan Institusi yang berpotensi untuk dibangunkan produk yang dihasilkan.
- (iii) **Golongan OKU berpeluang untuk mendaftar dan memperbaharui perniagaan mereka dengan SSM secara percuma** sebagai galakan menceburi bidang perniagaan; dan
- (iv) **RM25 juta diperuntukkan kepada BSN di bawah Skim Mikrokredit ISTIMEWA bagi golongan OKU menceburi bidang perniagaan dengan had pembiayaan sehingga 50 ribu ringgit dan kadar faedah serendah 3 peratus.**



## **KOUTA HAJI BUAT RAKYAT MALAYSIA**

23. Jangan dilupa, usaha terbaru daripada **Abah yang kita sayangi**, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Muhammad Yassin yang telah pulang dari **lawatan kerja ke Arab Saudi** dan berjaya mendapatkan tambahan **10,000 kuota jemaah haji** serta pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) untuk memudahkan prapelepasan jemaah haji dan umrah dari Malaysia.
24. Saya berharap semoga rakyat negeri Sabah juga dapat menikmati Kouta ini kelak. Kita mintalah nanti YAB Menteri Sabah membisikkan perkara ini kepada YAB Perdana Menteri.

## **PENUTUP**

25. Saya mengharapkan sokongan berterusan rakyat Negeri Sabah buat Kerajaan Perikatan Nasional yang amat Prihatin kepada rakyat yang dikasihi.

26. Saya akhir dengan pantun berikut:

**HATI-HATI MENITI TITI**  
**TITI DIBUAT SI ANAK TERUNA**  
**RAKYAT SABAH SENTIASA DI HATI**  
**KASIH KITA BERTAUT SELAMANYA**

Sekian, terima kasih.